

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Penggunaan solar di kediaman domestik bakal diperluas



Bisnes Sabtu, 20 Mei 2023
bhbt@nsp.com.my
1101, Jalan Beritta 4, www.berita.com.my

Penggunaan solar di kediaman domestik bakal diperluas

Langkah sedang dimuktamad bantu kurangkan tarif elektrik golongan sasaran

Oleh Aizabrin Alias zahrin@bh.com.my

Kerajaan akan mengumumkan langkah baharu bagi mempermudah dan menyebarkan penggunaan solar di kediaman domestik.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata langkah itu adalah bagi menggalakkan lebih banyak isi rumah mempunyai kemudahan solar.

Beliau berkata, ketika ini langkah baharu itu sedang dimuktamadkan dan apabila tersedia kelak ia akan membantu mengurangkan tarif elektrik golongan sasaran, terutamanya golongan kaya.

Katanya, ia juga bertepatan dengan keputusan kerajaan untuk menyasarkan subsidi elektrik agar subsidi elektrik dikembalikan kepada kumpulan B40 dan M40.

Maksudnya, katanya kumpulan pengguna kediaman dari T20 yang menggunakan elektrik pada kadar yang tinggi akan mula membayar gada tarif yang lebih hampir dengan harga pasaran.

"Justeru, langkah yang akan diumumkan ini adalah bagi memudahkan dan menggalakkan pengguna golongan T20 memasang solar yang boleh bantu turunkan tarif elektrik mereka.

"Pendekatan bersepadu ini, iaitu dengan memudahkan dan menggalakkan pemasangan solar kepada kumpulan isi rumah yang mampu, dijangka akan membantu mengimbangi kesan kenaikan tarif kepada isi rumah berpendapatan tinggi yang dianggarkan sekitar 10 peratus dari majoriti isi rumah di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku pertama 2023 dan Indeks Harga Pengguna (IHP) Mac 2023 di Putrajaya, semalam.

Rafizi sebelum ini berkata, Kementerian Ekonomi menyasarkan untuk menjadikan tenaga solar sebagai kegunaan di setiap rumah untuk mengurangkan bebanan bil elektrik rakyat bagi jangka panjang.

Beralih fasa ekonomi hijau

Beliau berkata, negara sedang beralih kepada fasa ekonomi hijau dalam usaha menstrukturkan semula ekonomi negara ke arah ekonomi beralih tinggi serta menjamin kelangsungan tenaga negara.

Katanya, ia adalah sebahagian teras Kementerian Ekonomi dalam usaha merencanakan pelaburan dari dalam dan luar negara dalam sektor baharu seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Langkah ini adalah susulan daripada pengumuman dasar baharu kerajaan, termasuk membenarkan eksport tenaga boleh baharu rentas sempadan dan peruntukan awal sebanyak RM20 juta untuk mempercepatkan pemasangan solar di bangunan kerajaan.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, langkah kerajaan ini adalah bagi memastikan negara terus mengambil peluang dari momentum pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan ketika ini.

Beliau berkata, ia adalah bagi meneruskan fokus penstrukturan ekonomi, yang akan mengurangkan keterdedahan Malaysia kepada cabaran ekonomi Malaysia pada masa hadapan.

Dalam pada itu, Rafizi berkata kementeriannya menyambut baik pertumbuhan ekonomi negara bagi suku pertama 2023 yang menandakan pertumbuhan 5.6 peratus berbanding suku yang sama tahun lalu.

Pencapaian ini, katanya lebih baik berbanding ramalan penganalisis ekonomi yang meletakkan pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus bagi suku berkenaan.

"Sementara pertumbuhan ini melebihi jangkaan umum, saya sedia maklum bahawa negara berpadan dengan cabaran-cabaran ekonomi global yang akan terus mempengaruhi permintaan kepada eksport Malaysia, terutamanya dalam suku yang akan datang.

"Mengambil kira cabaran-cabaran ini, kerajaan dan negara perlu mengambil peluang dari momentum pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan ini untuk meneruskan fokus penstrukturan ekonomi, yang akan mengurangkan keterdedahan Malaysia kepada cabaran ekonomi Malaysia di masa hadapan," katanya.

Pendekatan bersepadu ini, iaitu dengan memudahkan dan menggalakkan pemasangan solar kepada kumpulan isi rumah yang mampu, dijangka akan membantu mengimbangi kesan kenaikan tarif kepada isi rumah berpendapatan tinggi

Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi